

04 SEP 1997

Samy-Lebuh Raya (Bergambar)

LEBUH RAYA HUBUNG BAHAGIAN UTARA DAN SELATAN DIBUKA BULAN DEPAN

SHAH ALAM, 4 Sept (Bernama) -- Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah yang menghubungkan bahagian Utara dan Selatan negara akan dibuka pada Oktober ini, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Pembukaan lebuhraya sepanjang 38 km dari USJ ke persimpangan bertingkat Nilai Utara bermakna pengguna dari Utara dan Selatan boleh mengelak dari melalui Kuala Lumpur untuk ke destinasi masing-masing.

Lebuh raya itu menghubungkan Lebuhraya Baru Lembah Klang di bahagian Utara dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban di Selatan, katanya kepada pemberita selepas melawat Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah itu di sini hari ini. Selepas itu beliau turut melawat Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Beliau berkata lebuhraya itu akan dilengkapi dengan kawasan rehat dan sebuah "overhead restaurant" serta kemudahan lain seperti telefon kecemasan dan unit peronda 24 jam.

Lebuh raya bernilai RM1.1 bilion yang dikendalikan oleh Ekspressway Lingkaran Tengah Sdn Bhd (ELITE) merupakan lebuhraya pertama di negara ini yang dilandskapkan dengan pelbagai pokok dan tumbuh-tumbuhan.

Samy berkata, lebuhraya itu juga akan menghubungkan Putrajaya, Cyberjaya dan KLIA.

Mengenai kadar tol yang akan dikenakan, beliau berkata kadar yang akan ditetapkan ialah mengikut kadar Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) kini iaitu 10.6 sen sekilometer.

Mengenai cadangan Kementerian Pertahanan baru-baru ini agar disediakan tempat mendarat untuk kapal terbang tentera di kawasan lebuhraya, beliau berkata perkara itu perlu dibincangkan secara teliti.

Samy berpuas hati dengan pelaksanaan kerja-kerja pembinaan di KLIA yang mengikut jadual dengan ujian asas operasi lapangan terbang itu akan dimulakan pada 15 Sept manakala ujian lanjutan pada 15 Dis.

Bagi menandakan ujian asas itu, beliau berkata kapal terbang MAS (Boeing 747) akan mendarat pada tarikh itu dan akan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Kuala Lumpur International Airport Berhad (KLIAB) juga telah menubuhkan lima jawatankuasa untuk memastikan segala keperluan lengkap untuk ujian asas itu.

Jawatankuasa itu ialah Pengendalian Penumpang, Pengendalian Bagasi, Operasi Kapal Terbang, Kargo dan Surat serta Pengendalian Sokongan. --

BERNAMA

RHM FAZ